



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : PERHUBUNGAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA:  
UNDANG-UNDANG DAN AMALAN**

**KOD KURSUS : DSM3193**

**PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021**

**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian. BAHAGIAN A (60 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama Penuh Pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **12** HALAMAN BERGETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Pihak-pihak manakah yang mempunyai hak yang sah dan sama untuk melindungi apa yang mereka rasakan sebagai penting untuk dilindungi oleh mereka?
  - A Pekerja dan majikan
  - B Majikan dan majikan
  - C Pekerja dan pekerja
  - D Majikan dan kesatuan sekerja
  
2. Berikut adalah kesan apabila hubungan antara kesatuan sekerja dengan organisasi menjadi renggang KECUALI
  - i. keberkesanan pengurusan organisasi kurang.
  - ii. mencegah serta menyelesaikan apa-apa pertikaian yang berbangkit.
  - iii. kedua-dua pihak pastinya akan rugi.
  - iv. boleh mengurangkan pertelingkahan contohnya mogok.
  - A i dan ii
  - B i dan iii
  - C ii dan iii
  - D iii dan iv
  
3. Apakah yang akan terjadi sekiranya masalah antara majikan dan pekerja tidak dapat diselesaikan di tempat kerja?
  - A Pekerja perlu berhenti kerja serta-merta
  - B Pekerja menyertai kesatuan sekerja.
  - C Majikan boleh mengikut kemahuan pekerja tersebut
  - D Majikan boleh membuat keputusan atas pekerja tersebut.

4. Apakah kepentingan Jabatan Perhubungan Perusahaan di Malaysia?
- A Menyediakan tempat perbincangan antara penduduk kampung dengan majikan
  - B Membolehkan proses pentadbiran buruh memenuhi matlamat politik, sosial dan ekonomi negara.
  - C Mengekalkan hubungan yang harmoni dan kondusif di antara pihak majikan dan pekerja
  - D Membantu pekerja untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit dari tindakan tidak adil oleh pihak majikan mereka.
5. Encik Ali telah membuat aduan bagi kes pertikaian pada 1/10/2021. Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) perlu memberikan maklum balas kepada Encik Ali berkenaan dengan kesnya itu pada
- A 11/10/2021
  - B 15 /10/2021
  - C 14/10/2021
  - D 18/10/2021
6. Jabatan manakah yang terlibat dalam perhubungan perindustrian?
- A Jabatan Tenaga Kerja
  - B Jabatan Sumber Manusia
  - C Jabatan Kerja Raya Malaysia
  - D Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia

7. Pilih kaedah yang diguna pakai dalam konflik industri?

- i. Perundingan langsung
- ii. Perdamaian
- iii. Perantaraan
- iv. Timbang tara

A i dan ii

B i dan iii

C ii dan iii

D Semua diatas

8. Pelbagai masalah timbul dalam organisasi yang menyebabkan pekerja perlu menyertai kesatuan sekerja bagi mengelakkan ketidakpuasan hati dengan pihak pengurusan. Antara berikut, yang manakah kelebihan yang bakal diperolehi oleh pekerja apabila menyertai kesatuan sekerja?

A Motif sosial

B Motif kewangan

C Motif kedudukan

D Motif kebebasan bersuara

9. Rajah 1 menunjukkan jenis-jenis kesatuan sekerja

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>1. Kesatuan sekerja sektor awam</li><li>2. Kesatuan sekerja majikan</li><li>3. ( X )</li></ul> |
|--|

**Rajah 1**

Apakah yang diwakili oleh X?

A Kesatuan sekerja kuasa asia

B Kesatuan sekerja sektor swasta

C Kesatuan sekerja badan berkanun

D Kesatuan sekerja pekerja pihak berkuasa tempatan

10. Apakah tindakan pihak majikan yang bertentangan dengan kebebasan berkesatuan mengikut seksyen 5(1)(d)?
- A Mencederakan pekerja
  - B Datang lewat ke tempat kerja
  - C Mengubah waktu operasi syarikat
  - D Menetapkan kod pakaian di tempat kerja
11. Pernyataan manakah BENAR tentang peranan kesatuan sekerja majikan?
- A Kesatuan sekerja majikan boleh dianggotai oleh kakitangan dari sektor awam sahaja
  - B Kesatuan sekerja majikan yang bercorak kebangsaan sahaja boleh dianggotai oleh pekerja swasta
  - C Kesatuan sekerja majikan memberi hak sama rata terhadap pihak majikan untuk menubuhkan dan menganggotai kesatuan sekerja majikan
  - D Kesatuan sekerja majikan perlu memastikan peruntukan perundangan memberi perlindungan kepada semua pekerja.
12. Yang mana satukah prosedur yang perlu dipatuhi sekiranya seseorang pekerja ingin memohon cuti atas urusan kesatuan sekerja?
- A Menyatakan tempoh dan tujuan cuti selepas 2 minggu
  - B Menyatakan tujuan dan tempoh cuti kepada rakan sekerja
  - C Menyatakan tempoh dan tujuan cuti dipohon secara bertulis
  - D Menyatakan tempoh dan tujuan cuti yang dipohon melalui perbualan
13. Perundingan kolektif boleh dianggap sebagai
- A konflik.
  - B rundingan.
  - C perjanjian kolektif.
  - D diplomasi pencegahan.

- 14.** Apakah terma-terma dalam perjanjian kolektif mengikut seksyen 14(2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.
- i. Nama pihak dalam perjanjian itu
  - ii. Prosedur pengubahsuaian dan penamatan perjanjian
  - iii. Tempoh perjanjian yang berkuatkuasa tidak boleh kurang dari tiga tahun dari tarikh kuatkuasa perjanjian
  - iv. Prosedur penyelarasan berhubung dengan tafsiran tentang pelaksanaan atau tafsiran perjanjian dan rujukan tentang mahkamah bagi mendapatkan keputusan
- A** i dan ii
- B** i dan iii
- C** ii dan iii
- D** Semua diatas
- 15.** Yang mana satukah kesan perjanjian kolektif kepada pekerja dalam organisasi?
- A** Perundingan kolektif boleh melahirkan ramai pekerja yang berkualiti
  - B** Akibat perundingan kolektif yang tidak berjaya serta menyebabkan pertikaian perdagangan
  - C** Perjanjian kolektif yang telah dipinda itu hendaklah disifatkan sebagai perjanjian kolektif antara pihak yang berkenaan
  - D** Kesemua pekerja dalam organisasi yang menerima perjanjian tersebut
- 16.** Pendekatan yang manakah akan digunakan untuk menyelesaikan kebuntuan dalam perundingan bersama antara pihak majikan, pekerja dan kesatuan sekerja?
- A** Penjelasan nilai
  - B** Pencarian Akta
  - C** Penimbangtaraan
  - D** Penyelesaian masalah

17. Pihak \_\_\_\_\_ X \_\_\_\_\_ mesti menentukan kehendak ahlinya dan mengumpulkan semua data tentang kedudukan kewangan organisasi, pampasan yang ditawarkan oleh organisasi lain dalam industri yang sama, keadaan ekonomi negara dan sebagainya.

**Pernyataan 1**

Pihak manakah yang dimaksudkan sebagai X dalam **pernyataan 1** di atas?

- A Majikan
  - B Kerajaan
  - C Pekerja
  - D Kesatuan sekerja
18. Siapakah pihak yang akan mengkaji semua terma perjanjian sedia ada serta mengutip dan menganalisis maklumat bagi proses sesuatu rundingan?
- A Majikan
  - B Pekerja
  - C Kerajaan
  - D Kesatuan sekerja
19. Melalui proses rundingan bersama, pihak kesatuan sekerja telah menyediakan senarai isu-isu bagi proses tawar-menawar. Pada pandangan anda, apakah isu tawar-menawar yang berkaitan dengan gaji dan jam kerja?
- A Isu tawar-menawar mandatori
  - B Isu tawar-menawar yang dilarang
  - C Isu tawar-menawar bersama dimulakan
  - D Isu tawar-menawar yang dibenarkan

20. Apakah tindakan yang boleh digunakan untuk menyelesaikan kebuntuan dalam perundingan bersama antara pihak majikan dengan kesatuan sekerja?

- A Pencarian akta
- B Penjelasan nilai
- C Penimbangtaraan
- D Penyelesaian masalah

21.

1. Piket
2. Mogok
3. Bekerja perlahan

### Pernyataan 2

Pada pendapat anda **pernyataan 2** di atas merupakan tindakan

- A langsung perdamaian.
- B langsung orang tengah.
- C langsung majikan.
- D langsung kesatuan sekerja.

22. Syarikat ABC Sdn. Bhd. terlibat di dalam satu pertikaian dengan kesatuan sekerja. Mahkamah manakah yang berkuasa menimbang tara pertikaian tersebut?

- A Mahkamah tinggi
- B Mahkamah industri
- C Mahkamah syariah
- D Mahkamah perusahaan

23. Proses pengendalian pertikaian perusahaan terbahagi kepada

- A 2
- B 3
- C 4
- D 5



24. Tuan Aiman mengajak semua pekerja melakukan piket di hadapan organisasi. Walau bagaimanapun Tuan Aiman mengetahui bahawa piket merupakan kesalahan yang boleh menyebabkan kesatuan sekerja bakal berhadapan dengan beberapa masalah seperti berikut KECUALI

- A jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih satu tahun atau denda tidak lebih RM 1,000.00 atau kedua-duanya sekali
- B jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 2 tahun atau denda tidak lebih RM 5,000.00 atau kedua-duanya sekali
- C jika disabitkan kesalahan boleh dipenjara tidak lebih 3 tahun atau denda tidak lebih RM 10,000.00 atau kedua-duanya sekali
- D pembuangan kerja atas alasan terlibat dengan piket yang tidak sah

25.

1. Memerintahkan mana-mana pihak disatukan
2. Memanggil mana-mana pihak untuk menghadiri apa-apa prosiding
3. Mengambil keterangan bersumpah

### Pernyataan 3

Apakah maksud yang ingin disampaikan dalam **pernyataan 3** di atas?

- A Bidang kuasa kesatuan sekerja
- B Bidang kuasa pihak majikan
- C Bidang kuasa ketua atasan
- D Bidang kuasa mahkamah

26. Ani seorang Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Megah Holding. Suatu hari beliau mendapat aduan berlaku pergaduhan antara pekerja di kilang dan orang luar sehingga terdapat beberapa peralatan kilang yang rosak dan terpaksa diganti semula. Pekerja tersebut telah disabit kesalahan di mahkamah undang-undang kerana terlibat dengan pergaduhan. Selepas pekerja tersebut dibebaskan, majikan telah melakukan siasatan ke atas pekerja tersebut kerana ponteng kerja sebelum kejadian pergaduhan itu berlaku.

Apa yang menyebabkan majikan dibolehkan melakukan tindakan tersebut?

- A Majikan berhak ke atas pekerja
- B Pekerja dibebaskan dengan ikat jamin
- C Kesalahan ponteng kerja belum disiasat
- D Pekerja disabitkan kesalahan di mahkamah undang-undang

27. Berikut merupakan bidang kuasa mahkamah perindustrian KECUALI

- i. Mendengar dan memutuskan pertikaian
- ii. Meminta bantuan orang pakar atas izin menteri
- iii. Meminta pihak berkaitan menghadiri prosiding
- iv. Melakukan siasatan dalaman terhadap pekerja dalam organisasi

- A i & iv
- B ii & iii
- C iii sahaja
- D iv sahaja

28. Alasan-alasan di bawah tidak boleh digunakan bagi penggantungan atau penamatan pekerjaan KECUALI

- A pecahan jentera kerja
- B perbelanjaan korporat
- C kekurangan bahan mentah
- D kekurangan permintaan produk

29. Apakah keadaan yang boleh menyebabkan majikan melakukan pembuangan pekerja?
- A Pekerja mempunyai masalah disiplin di tempat kerja
  - B Pekerja tidak dapat persaraan di bawah tempoh kontrak
  - C Majikan boleh melakukan penamatan perkhidmatan pekerja sekiranya berlaku lebihan pekerja
  - D Majikan memberhentikan atau berniat untuk berhenti menjalankan perniagaan kerana tujuan-tujuan tertentu
30. Ali telah bekerja di sebuah Syarikat Sik Sdn. Bhd selama 10 tahun. Namun, syarikat tersebut terpaksa gulung tikar disebabkan oleh kerugian yang banyak. Pihak majikan terpaksa menamatkan perkhidmatan Ali atas alasan tersebut. Seksyen manakah yang boleh dirujuk bagi situasi di atas?
- A Seksyen 5(1)
  - B Seksyen 12(3)
  - C Seksyen 20
  - D Seksyen 13

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

**SOALAN 1**

a. Kesatuan Sekerja Malaysia didefinisikan dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959 sebagai satu persatuan atau gabungan majikan atau pekerja yang bekerja di Malaysia. Terangkan peranan kesatuan sekerja di Malaysia.

(10 markah)

b. Pada pendapat anda, bagaimanakah Akta 177 di dalam Perhubungan Perusahaan mampu melindungi pekerja dalam organisasi?

(10 markah)

**SOALAN 2**

“Syarikat penerbangan MAS memulakan operasinya pada 1 September 2015 selepas selesai fasa penstrukturan semula syarikat menerusi pengurangan jumlah kakitangan kepada 14,000 orang berbanding 20,000 orang sebelumnya. Di bawah pengurusan baru ini, kesatuan sekerja kakitangan MAS masih belum diwujudkan.”

( Berita Harian, 26 Ogos 2014 )

a. Berdasarkan kepada keterangan di atas, bagaimanakah pembatalan kesatuan sekerja boleh berlaku dalam sesebuah organisasi?

(10 Markah)

b. Bagaimanakah menteri mampu mempengaruhi pembubaran dan pembatalan kesatuan sekerja?

(10 Markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**